



**PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Warga emas rugi RM15,000 diperdaya sindiket Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Kosmo

Date: 18 September 2020

Section: Negara

Page: 14

## Warga emas rugi RM15,000 diperdaya sindiket Macau Scam

**SEBERANG PERAI** – Seorang suri rumah di Kepala Batas di sini berputih mata selepas wang simpanannya sebanyak RM15,000 lesap akibat ditipu sindiket Macau Scam kelmarin.

Kejadian berlaku apabila wanita berusia lingkungan 60-an tersebut menerima panggilan daripada orang yang menyamar sebagai wakil daripada pejabat pos

kononnya ada bungkusan yang dipos atas namanya mengandungi lapan keping kad kredit pada Sabtu lalu.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, panggilan itu kemudian disambungkan kepada rakan suspek yang menyamar sebagai pegawai penyiasat berpangkat koperal di

Seremban, Negeri Sembilan.

“Koperal tersebut memaklumkan mangsa terlibat dalam kes pengubahan wang haram dan dadah manakala salah seorang suspek lain dikatakan telah ditahan.

“Sindiket mengarahkan mangsa supaya tidak memberitahu orang lain dan memberikan kerjasama memandangkan

dia ialah suspek utama,” katanya kepada pemberita semalam.

Tambahnya, mangsa yang ketakutan telah memasukkan wang berjumlah RM15,000 melalui tiga transaksi ke dalam satu akaun kononnya untuk tujuan siasatan.

Menurut Noorzainy, suspek memberitahu wang itu kononnya akan dipindahkan ke Jabatan

Audit Negara sepanjang proses siasatan.

“Mangsa bagaimanapun menyedari dia telah ditipu sebelum membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Utara, Kepala Batas di sini semalam (kelmarin),” katanya yang memberitahu kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.